



PENCERAMAH

ASP Mahyuddin bin Abdullah
Maktab Polis Diraja Malaysia
Kuala Kubu Bharu



- HAM adalah hak-hak dasar yang dimiliki setiap orang. HAM didasarkan pada prinsip bahwa setiap orang dilahirkan setara dalam harkat dan hak-haknya.
- Kesetaraan memastikan bahwa semua individu memiliki hak yang sama dan layak menerima tingkat penghormatan yang sama.





- Terdapat 3 dokumen penting berkenaan Hak Asasi Manusia iaitu:
 - Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948;
 - Kovenan Antarabangsa Hak-hak Sivil Dan Politik 1966; dan
 - Kovenan Antarabangsa Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan 1966.





- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dibentuk pada 24 Oktober 1945 adalah sebuah organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh negara negara di seluruh dunia yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan hubungan serta penyelarasan antarabangsa dan isu hak asasi manusia.

- Di Malaysia hak asasi manusia adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Penyertaan aktif negara dalam Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia (UNCHR) pada tahun 1993 merupakan titik permulaan untuk menubuhkan institusi hak asasi manusia.



HAK INDIVIDU

Hak individu ini seperti hak hidup, makan, minum, pakai, milik, belajar, bersuara, rawatan, bekerja, warganegara dan sebagainya.

HAK RAMAI

Hak ramai antaranya hak jiran tetangga, hak rakan, ketenteraman awam, kesihatan awam, hak berhimpun secara aman dan hak bersatu.






Apabila bertembung antara hak individu dengan hak ramai/masyarakat, maka hak masyarakat mestilah didahulukan selagi tidak melanggar hak individu yang lebih besar. Contoh, hak individu ialah memiliki tanah manakala hak masyarakat ialah memiliki bersama jalan untuk kemudahan awam.



- Hak kemanusiaan dapat dilihat dari dua segi iaitu moral dan perundangan. Dari segi perundangan, hak kemanusiaan ini merupakan satu bentuk hak yang dinikmati oleh seorang warganegara sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang negara. Manakala dari segi moral, hak kemanusiaan merupakan satu tanggapan moral yang diterima dalam sekelompok masyarakat itu. Anggota masyarakat mengakui dan menerima hak-hak tertentu yang harus dinikmati oleh anggota masyarakat berkenaan walaupun perkara itu tidak terdapat dalam undang-undang.





- Di Eropah dan Barat, mereka mengutamakan hak individu, setiap individu berhak melakukan sesuatu perkara yang diinginkannya, selagi perkara itu tidak mengganggu privasi orang lain.



- Bagi masyarakat Timur termasuk Malaysia, hak dan nilai masyarakat mengatasi hak peribadi. Individu di negara ini tidak boleh sesuka hati melakukan perkara yang bertentangan dengan nilai masyarakat.

SEKSUALITI
MERDEKA 2011



QUEER
WITHO
FEA

Lesbian
gay
Bisexual
Transgender





- **Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat** (*Universal Declaration of Human Rights, UDHR*) pada 10 Disember 1948 di Palais de Chaillot, Paris yang terdiri daripada 30 perkara telah menggariskan pandangan Perhimpunan Agung terhadap **HAK ASASI MANUSIA** yang dijamin ke semua rakyat.

- **PERKARA 5** : Tiada sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan.



- **PERKARA 7:** Semua orang adalah samarata di sisi undang-undang dan berhak tanpa apa-apa pembezaan kepada perlindungan yang samarata di sisi undang-undang.



- **PERKARA 9:** Tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya.



- **PERKARA 10:** Setiap orang adalah berhak dengan samarata sepenuhnya kepada pembicaraan adil dan terbuka oleh suatu tribunal bebas dan saksama, dalam penetapan hak, tanggungannya dan sebarang tuduhan jenayah terhadapnya.



- **PERKARA 11.1:** Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan keseksaan adalah berhak dianggap tidak salah sehingga dibuktikan salah menurut undang-undang di dalam perbicaraan terbuka di mana dia telah diberikan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.



- **PERKARA 11.2:** Tiada sesiapa pun boleh diputuskan bersalah atas sebarang kesalahan keseksaan oleh kerana sebarang tindakan atau ketinggalan yang tidak merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang Tiada pula boleh dikenakan sebarang hukuman yang lebih berat dari hukuman yang terpakai ketika kesalahan itu dilakukan.




ARTIKEL 5 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang.



2. Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang adalah ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu melainkan berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah di sisi undang-undang, hendaklah memerintahkan orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.






3. Jika seseorang ditangkap maka ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebabnya ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan berunding dengan seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya.



4. Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang magistret dengan segera dalam tempoh 24 jam dan orang itu tidak boleh ditahan selanjutnya dengan tiada kuasa magistret.



ARTIKEL 7 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Tiada sesiapa pun boleh dihukum kerana sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang tidak menjadi kesalahan di sisi undang-undang pada masa perbuatan atau ketinggalan itu dilakukan. Dan tiada sesiapa pun boleh menanggung hukuman yang lebih berat daripada yang telah ditetapkan pada masa kesalahan dilakukan.





2. Seseorang yang telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan atau disabitkan sesuatu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula atas kesalahan yang sama kecuali jika sabitan atau pembebasan telah dibatalkan oleh suatu mahkamah yang lebih tinggi.

HAK ASASI MANUSIA DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Pendekatan yang digunakan oleh agensi penguatkuasaan hendaklah menghormati dan mendukung hak asasi manusia.
- Ditumpukan kepada aspek:

Tangkapan;

Penahanan;

Pemeriksaan.

TANGKAPAN



Tangkapan adalah tindakan pertama kearah pendakwaan;

Tangkapan secara tidak langsung menghalang kebebasan bergerak seseorang untuk memaksanya mematuhi undang-undang;

Amat penting diberi perhatian kerana kebebasan diri seseorang adalah hak asasi yang diperuntukkan bawah Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan;



Mesti mematuhi peruntukkan Seksyen 15 Kanun Prosedur Jenayah.

Boleh dicabar jika ia tidak mematuhi kehendak undang-undang atau wujud penggunaan kekerasan berlebihan oleh orang yang hendak ditangkap;



HAK DAN REMEDI ORANG YANG DITANGKAP

Orang yang ditangkap mempunyai hak-hak yang ditetapkan oleh undang-undang dan sekiranya berlaku tahanan salah beliau mempunyai remedinya seperti yang telah diperuntukkan oleh undang-undang.



Ditegah menahan secara berlebihan daripada sekadar yang patut sahaja untuk mencegah dia lari.

Perempuan diperiksa oleh perempuan dengan menitikberatkan kesopanan.



HAK UNTUK DIMAKLUMKAN SEBAB- SEBAB TANGKAPAN SEBERAPA SEGERA

i) Artikel 5 (3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan orang yang ditangkap diberitahu seberapa segera yang boleh sebab dia ditangkap.

ii) Seksyen 28A (1) KTJ – OKT dimaklumkan seberapa segera sebab-sebab ditangkap

Kes Christie Vs. Leachinsky (1947) 1 All ER 567:

Dikecualikan “seberapa segera” jika sasppek sudah tahu kesalahannya atau sasppek timbulkan keadaan yang sukar untuk memaklumkan kepadanya (menyerang atau lari).

HAK UNTUK DIBAWA KE HADAPAN MAJISTRET DENGAN SEGERA

- i) Artikel 5 (4) Perlembagaan Persekutuan dengan segera (dalam tempoh 24 jam).
- ii) Seksyen 28 (1) KPJ – tidak berlengah-lengah lagi.



HAK UNTUK DIWAKILI PEGUAM



- A. i) Artikel 5 (3) Perlembagaan Persekutuan.
- ii) Boleh diberikan selepas polis selesai siasatan.
- iii) Diwakili semasa permohonan reman.

B. Seksyen 28A (2) (b) – sebelum disoal siasat atau diambil keterangan, pegawai polis mesti maklum OKT boleh berhubung dan merujuk dengan peguam pilihannya. (pengecualian spt. Di Sek. 28A (4) KTJ)



HAK MEMPERTAHANKAN DIRI

- i) Hanya boleh digunakan jika berlaku tahanan salah oleh polis.

Kes PP Vs. Ong Kee Seong (1960) MLJ 156

Tindakan orang yang ditangkap menendang perut seorang polis dan menggigit kaki seorang lagi didapati tidak bersalah kerana kesalahan yang dilakukan tidak lazim ditangkap atau bawah seksyen 24 KPJ atau seksyen 23 KPJ.

HAK UNTUK MEMOHON WRIT HABEAS CORPUS



- i) Artikel 5 (2) PP – aduan tahanan salah dibawa ke hadapan mahkamah tinggi.
- ii) Seksyen 365 (a) (ii) KPJ – tahanan yang menyalahi undang-undang, kuasa Mahkamah Tinggi membebaskannya.
- iii) Kes Karpal Singh Vs. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia (1988) 1 MLJ 469.



HAK UNTUK SAMAN PAMPASAN

- i) Bagi kesalahan tangkapan salah, langgaran salah hingga tahanan salah oleh pihak berkuasa.
- ii) Kes-kes seperti Mahmod Vs. Kerajaan Malaysia, Shaaban dan lain-lain.





HAK UNTUK MENDAPATKAN DOKUMEN

- Seksyen 51A (1) KTJ – Pendakwaraya sebelum memulakan pendakwaan hendaklah membekalkan kepada OKT dokumen2 berikut :
 - i. Laporan polis bawah Sek. 107 KTJ
 - ii. Salinan mana2 dokumen yang dijadikan pembuktian
 - iii. Keterangan bertulis berkaitan fakta yang memihak kepada pembelaan OKT yang ditandatangani TPR (Sek. 51A (2) – (kecuali jika ia bertentangan dengan kepentingan awam)

PENAHANAN

Seksyen 28 (1) KPJ - Tangkapan tanpa waran dibawa ke hadapan Majistret tanpa lengah (tertakluk kepada peruntukkan jaminan)

Seksyen 28 (3) KPJ - Tempoh penahanan oleh pegawai polis tidak lebih 24 jam.

Seksyen 117 KPJ - Perintah reman daripada Majistret mesti diperolehi jika siasatan polis tidak boleh selesai dalam tempoh 24 jam.

- Tuduhan atau maklumat terhadap OKT adalah berasas
- Tidak lebih 15 hari.
- Ada ID (mendatori).
- Bawa OKT bersama.
- OKT membuat representasi atau diwakili peguamnya

Artikel 5 (4) PP

Tahanan melebihi 24 jam dengan kebenaran Majistret sahaja.

Bukan warganegara dibawah kesalahan Imigresen, perkataan “24 jam” diganti dengan “14 hari”.

Tafsiran Majistret adalah termasuk hakim Mahkamah Syariah.

Seksyen 28 KPJ selaras dengan Artikel 5 (4) PP.

Seksyen 388 KPJ - KPD atau Mahkamah boleh lepaskan OKT dengan jaminan.

Kesalahan yang hukumannya penjara seumur hidup atau mati, tidak boleh dijamin (pengecualian – bwh 16 thn, wanita, sakit, lumpuh).

Kes Ooi Ah Hua Vs. OCCI Kedah (1970) 2 MLJ 198:

Kebajikan dan keadaan tahanan reman mesti diambil kira seperti makan atau minum, pakaian yang patut, tidak dcederakan;

Dibenarkan untuk memaklumkan pada keluarga dan peguamnya.

PEMERIKSAAN

Pemeriksaan adalah satu lagi kuasa yang diberikan kepada polis dalam siasatan kes jenayah. Dalam KPJ pemeriksaan dibahagikan kepada 2 jenis:

- i) Pemeriksaan tubuh badan orang ditangkap
- ii) Pemeriksaan premis



BILA PEMERIKSAAN TUBUH BOLEH DILAKUKAN

Pemeriksaan tubuh seseorang hendaklah dilakukan apabila wujud syak yang munasabah berdasarkan faktor-faktor berikut:

- Darjah keseriusan sesuatu kes
- Tingkhilaku sasppek yang mencurigakan.
- Latar belakang orang yang ditangkap.

- Periksa percaya dan yakin ada bahan bukti kes disembunyikan.
- Apabila tahanan dibawa ke balai polis
- Apabila seseorang enggan atau tidak berupaya memberikan sebab-sebab kehadirannya yang mencurigakan di tempat-tempat yang sering berlaku jenayah.
- Menghalang penjawat awam atau lari dari tahanan yang sah.
- Disyaki melakukan jenayah dan enggan memberi maklumat dirinya.



- Di Malaysia, SUHAKAM bertanggungjawab dalam hal-hal pendidikan dan memupuk kesedaran rakyat berkaitan **HAK ASASI MANUSIA**.



TANGGUNGJAWAB BERKANUN SUHAKAM ADALAH:



- Untuk memupuk kesedaran dan memberi pendidikan mengenai hak asasi manusia.
- Untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam membentuk perundangan dan prosedur dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil.





- Mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk menerima pakai atau memperolehi perjanjian-perjanjian dan lain-lain bahan antarabangsa dalam bidang hak asasi manusia.
- Untuk menyiasat aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia.

**Lesbian
gay
Bisexual
Transgender**



KAJIAN KES

- Dalam kes tunjuk perasaan di lebuhraya Kesas pada November 2000, penganjur Parti Pembangkang (PR) telah merancang mengadakan perhimpunan yang dijangka akan dihadiri sehingga 100.000 orang di tanah persendirian dan bukannya di kawasan awam dan dengan demikian tidak memerlukan permit polis .Walau bagaimanapun sejak awal-awal lagi polis telah memaklumkan tanpa permit perhimpunan tersebut adalah haram,walau bagaimanapun demonstrasi oleh golongan penduduk tempatan menentang perhimpunan yang akan diadakan itu dibenarkan polis tanpa membuat permohonan atau mendapat permit polis .

- Sebelum perhimpunan itu diadakan polis telah merancang bagi menghalang dan menguasai sepenuhnya termasuk menghalang orang ramai daripada sampai ke tempat perhimpunan dengan membuat sekatan jalanraya. Pada hari perhimpunan tersebut beratus-ratus kereta yang cuba masuk terperangkap dalam kesesakan lalu lintas di lebuh raya Kesas dan terpaksa meletakkan kereta mereka ditepi jalan pada hari tersebut polis telah menyenbur air dan gas pemedih masa menggunakan hos untuk menyuraikan orang ramai semasa mereka cuba bergerak .Seramai 122 orang telah ditangkap dan mereka yang cedera tidak diberikan rawatan sehingga keesokan harinya dan direman selama 5 hari . Menurut pemerhati mendapati berhubung kebebasan berhimpun pihak polis wajar memberi kebebasan berhimpun, ekoran daripada itu dalam laporan siasatan Kesas 2001 SUHAKAM telah membuat beberapa cadangan antaranya

- i) Undang-undang berkaitan dengan perhimpunan hendaklah dilaksanakan dengan saksama dan tiada diskriminasi ;
- ii) Kaedah penyuraian orang ramai oleh PDRM perlu dikaji semula dan polis diminta mengawal diri semasa bertindak ;
- iii) Orang ramai diberi masa secukupnya untuk bersurai dan bukannya dikejar dan atau dipukul dizalimi dan dilayan dengan tidak berperikemanusiaan dan rawatan perubatan perlu diberi segera .

- Dalam insiden yang lain pada feb 2004, seramai lebih kurang 60 orang termasuk wakil dari 46 NGO dalam parti politik telah berhimpun secara aman di hadapan pintu masuk pejabat Polis Bukit Aman untuk menghantar memorandum berkenaan penyalahgunaan kuasa oleh polis hanya tiga orang wakil sahaja dibenarkan masuk dalam bangunan semasa menghantar memorandum tersebut sedangkan pihak penganjur telah meminta untuk menghantar sekurang-kurangnya 10 orang untuk masuk bagi membincangkan isu-isu yang akan dibangkitkan. Pegawai polis tidak mengendahkan permintaan ini dan mengarahkan supaya mereka bersurai , tanpa didengari oleh kebanyakan mereka dalam masa 3 minit trak penyembur air telah menyembur air yang dicampur dengan bahan kimia kearah orang ramai, semasa peserta melarikan diri dan terjatuh seramai 17 orang telah ditangkap dan dibebaskan dengan ikat jamin.

Dalam satu kes yang lain, kes Hajjah Halimatussadiyah, mahkamah memutuskan hak seorang kakitangan awam untuk memakai purdah adalah tertakhluk kepada perintah perkhidmatan awam. Dengan ini, hak ramai mengatasi hak individu seorang untuk memilih cara berpakaian demi alasan untuk mengekalkan disiplin di perkhidmatan awam. Menurut keputusan kes Susie Teoh dan kes Hajjah Halimatussadiyah, adalah jelas terdapat kecenderungan untuk memberi tempat yang lebih utama kepada hak ramai daripada hak individu.

